

SULIT

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2022**

BAHASA MELAYU

1103/2

Kertas 2

2 jam 30 minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi tiga bahagian : **Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.***
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
5. **Buku jawapan** *hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 11 halaman bercetak termasuk muka hadapan.

[Lihat halaman sebelah

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

1. *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata hubung. Kemudian bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata hubung tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Sebagai warga Malaysia, pengusaha produk menggalas tanggungjawab yang besar untuk mengetengahkan produk tempatan yang menggunakan jenama bahasa Melayu dengan betul. Mereka perlu yakin bahawa bahasa kebangsaan mempunyai nilai ekonomi yang tinggi dan berupaya menjadi bahasa ilmu. Peranan pengusaha bukan untuk meraih keuntungan semata-mata tetapi lebih daripada itu. Mereka perlu berasa bangga jika dapat menyerlahkan identiti dan jati diri negara melalui jenama produk bahasa kebangsaan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Jenama Produk Berbahasa Melayu
Serlahkan Jati Diri Bangsa'
oleh Norazlina Mohd Ikram,
Pelita Bahasa, Bil 10/2022

[8 markah]

2. *Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan ayat **bersusunan biasa** yang bergaris kepada ayat **bersusunan songsang** tanpa mengubah maksud asalnya.*

Bahasa merupakan elemen terpenting dalam kehidupan seharian manusia. Bahasa berperanan sebagai medium komunikasi yang penting untuk menerima dan menyampaikan maklumat. Melalui bahasa juga, seseorang individu mampu untuk menyampaikan kehendak, perasaan, pendapat, pengalaman, buah fikiran dan pengetahuan. Peranan bahasa Melayu membolehkan pelajar menguasai pelbagai bidang ilmu. Kebolehan menguasai bahasa Melayu dapat membantu pelajar bersaing pada peringkat ilmu yang lebih tinggi.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Utama'
oleh Jaymani Sevanathan,
Dewan Siswa, Bil 8/2019

[6 markah]

[Lihat halaman sebelah

3. Dalam petikan 1 terdapat **enam kesalahan bahasa** manakala dalam petikan 2 terdapat **lima kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Bagi setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.

Petikan 1

Sultan Perak bertitah, penilai keadaan rasuah wajib dilakukan secara jujur, ikhlas, dan berfakta agar boleh dijadikan bukti bahawa kita sangat serius mahu membendung, memerangi atau menghapuskan rasuah. Beliau bertitah, hal ini demikian kerana rasuah dikenal pasti sebagai salah satu sebab utama yang membantutkan pertumbuhan ekonomi dan menjejaskan pelaburan asing ke negara kita. Selain itu, hal ini boleh meningkatkan kos pentadbiran urusniaga dan mendorong berlakunya ketidakstabilan politik. Titah baginda, rasuah mengakibatkan pembangunan yang tidak lestari, pencemaran alam sekitar, pemberian kekayaan tidak seimbang dan ketirisan khazanah negara.

Dipetik dan diubah suai daripada
Berita Harian, September 2022

[6 markah]

Petikan 2

Integriti sangat penting. Namun begitu, integriti bukan lahir dengan sendirinya di dalam diri setiap individu. Integriti perlu dipupuk sejak kecil melalui institusi kekeluargaan secara turun temurun. Oleh hal yang demikian, bila seseorang individu mulai menyertai alam pekerjaan, integriti telah pun mendarah daging. Hal ini akan memudahkan mereka menyesuaikan diri dengan budaya kerja positif dan cemerlang di tempat kerja masing-masing selain mengurangi risiko untuk terjebak dalam aktiviti salah laku di tempat kerja.

Dipetik dan diubah suai daripada
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5
Kementerian Pendidikan Malaysia

[5 markah]

4. *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Maka titah baginda, “Bagaimana tipu Laksamana maka dapat membunuh penjurit itu?”

Maka diceritakan segala hal-ehwalnya. Maka baginda pun hairan terlalu sukacita. Maka baginda pun memberi anugerah akan Laksamana. Maka sembah Laksamana, “ Ya tuanku, baiklah titahkan segala rakyat berangkat segala harta itu.”

Dipetik daripada
'Kepimpinan Melalui Teladan'
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

5. *Petikan di bawah mengandungi beberapa peribahasa. Senaraikan **dua** peribahasa sahaja, kemudian berikan **peribahasa yang sama maksud atau hampir sama maksud** dengan peribahasa tersebut.*

Lian Jia Li merupakan seorang pekerja baharu yang ditugaskan di syarikat gergasi itu. Oleh sebab dia tiada pengalaman bekerja, dia sering berjumpa dengan rakan sejawatan untuk menimba ilmu kerana baginya malu mengayuh perahu hanyut. Dia juga berpendapat dengan sikap bertanya akan melahirkan sikap mesra dan bekerjasama bagai aur dengan tebing. Dia juga suka berbincang akan tugas diamanahkan kerana pendapat yang berbeza antara satu dengan lain umpama lain padang lain belalang akan memberikan cetusan idea yang lebih baik.

[4 markah]

[Lihat halaman sebelah

BAHAGIAN B: PEMAHAMAN

[35 markah]

6. Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Terdapat pelbagai kelebihan yang boleh didapati melalui pembelajaran secara digital. Yang pasti, melalui kaedah ini pelajar dapat mengikuti proses pembelajaran secara fleksibel tanpa terikat dengan waktu pembelajaran konvensional. Melalui kaedah ini juga pelajar boleh melakukan perbincangan pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja tanpa perlu bersempuk dan duduk setempat. Selain itu, melalui pembelajaran secara digital, pelajar dapat menggunakan e-buku yang boleh dimuat turun secara langsung. Melalui e-buku ini, pelajar juga dapat menjimatkan kos pembelian buku serta dapat mengurangkan pembaziran bahan bacaan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Lonjakan Digital Dalam Pendidikan'
oleh Siti Rohana Nordin,
Dewan Siswa, Bil. 07/2022

Bahan 2

Pembelajaran dalam talian banyak membantu dalam memudahkan urusan seharian kita. Pelajar tidak hanya tertumpu kepada sesi pengajaran bersama guru, malah mampu *mendapatkan ilmu* tambahan daripada pelbagai sumber daripada Internet. Pelbagai video pengajaran dimuat naik dalam talian seperti *Youtube* yang boleh memberi manfaat kepada semua orang. Hal ini menunjukkan bahawa kemudahan melayari pelbagai media massa dan media sosial hanya di hujung jari. Selain itu, bagi pelajar yang lemah dalam penguasaan bahasa Inggeris, mereka boleh menggunakan khidmat guru dari luar negara melalui aplikasi di media sosial. Dengan kaedah ini, pelajar akan dapat meningkatkan kemahiran bahasa Inggeris dan memperbaiki sebutan dengan betul.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Teknologi Digital Pemacu Utama Luas Penyebaran Ilmu'
oleh Aiman Sadiq,
<https://www.getaran.my./25/2/2022>

[Lihat halaman sebelah

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud rangkai kata *mendapatkan ilmu*. [2 markah]
- (ii) Dengan merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, kemukakan beberapa kelebihan pembelajaran secara digital kepada pelajar. [3 markah]
- (iii) Penggunaan Internet merupakan perkara biasa pada zaman teknologi ini. Namun begitu, penggunaan yang berlebihan akan mendatangkan pelbagai kesan buruk.
- Pada pendapat anda, apakah kesan buruk penggunaan Internet dalam kalangan pelajar? [4 markah]
- (iv) Penyebaran berita palsu atau fitnah semakin berleluasa pada akhir-akhir ini. Perkara sedemikian bukan sahaja mudah diakses oleh semua orang malah boleh disebarkan dengan sekelip mata. Isu penyebaran berita palsu ini perlu dihentikan kerana bukan sahaja merosakkan maruah seseorang malah membahayakan keselamatan individu.
- Sebagai seorang pelajar yang sering menggunakan Internet, apakah langkah yang perlu diambil bagi memastikan penyebaran berita atau maklumat palsu ini dapat dibendung? [4 markah]

[Lihat halaman sebelah

7. Bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

“Seharusnya aku mengambil pengajaran daripada petaka yang melanda perairan kampungku.” Sesal Pak Tua semakin menghimpit dada. Begitulah yang terjadi kerana tidak adanya kesedaran untuk menjaga kelangsungan alam sekitar. Pak Tua ikut terlibat dalam pemusnahan hidupan laut di kampungnya. Lantaran ingin mendapat tangkapan yang lumayan, Pak Tua dengan beberapa orang rakan nelayan sering menggunakan bom buatan sendiri untuk mendapatkan ikan yang banyak.

“Kami tidak sedar bahawa perbuatan kami itu telah memusnahkan terumbu karang dan hidupan laut yang lainnya. Terumbu karang tempat kehidupan plankton yang merupakan makanan ikan. Terumbu karang yang memakan masa jutaan tahun untuk membesar, dengan sekali lempar saja *telah ranap* oleh letupan bom buatan sendiri.”

Dipetik daripada
cerpen ‘Hutan Rimba, oleh Sasjira,
antologi *Dirgahayu Bahasaku*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

Bahan 2**PANTUN SAYANGI HUTAN**

Di tepian lata mengail ikan,
Di kail teruna waktu malam;
Hutan kita usah binasakan,
Kelak merana seisi alam.

Tumbuh terbiar pohon putat,
Gugur daunan jatuh ke tanah;
Hidupan liar hilang habitat,
Kerana hutan makin musnah.

Ikan siikap di dalam timba,
Hendak dikukus Cik Siantan;
Lantaran sikap tamak haloba,
Hampir pupus harimau di hutan.

Kalau adinda hendak ke kota,
Jala serawan harap dibeli;
Hutan ternoda di depan mata,
Jangan kalian tidak peduli.

Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5,
Kementerian Pendidikan Malaysia

[Lihat halaman sebelah

- (i) Berikan maksud rangkai kata *telah ranap* dalam **Bahan 1**. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, apakah kesan kemusnahan alam sekitar? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk menjaga alam sekitar? [3 markah]
- (iv) Anda sedang berkelah bersama-sama kawan-kawan di tepi sungai. Tiba-tiba anda melihat sekumpulan remaja sedang mengemas kawasan berkelah mereka sambil membuang dua plastik sampah ke dalam sungai.
- Sebagai seorang yang bertanggungjawab, apakah yang akan anda dan kawan-kawan lakukan terhadap kumpulan remaja berkenaan. [4 markah]

[Lihat halaman sebelah

8. *Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*

(i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Sepi. Dahlia memandang simen yang bersih tetapi simen yang dilihatnya sudah berbalam di mata.

“Saya percaya, tentu masalah yang dihadapi oleh Dahlia begitu besar. Jika tidak, masakan hari Selasa dan Rabu Dahlia tidak hadir ke sekolah. Jika ada masalah yang maha berat, katakanlah. Dahlia punya potensi untuk mendapat kejayaan cemerlang dalam STPM. Saya sudah berangan-angan, daripada murid di kelas kita, ramai yang akan lulus dengan cemerlang. Hanya itulah hadiah yang besar sebagai seorang guru.”

Kata-kata Dahlia menjadi tersangkut di kerongkong. Dia tidak mahu menangis. Dia perlu kuat. Selasa dia tidak ke sekolah kerana adiknya sakit. Ditambah lagi dirinya lemah kerana meredah arus sungai untuk menyelamatkan Said. Manakala, dia semalam menghantar Anggerik ke klinik untuk kali kedua. Waktu sudah ditetapkan oleh doktor, masakan boleh mengubahnya.

Dipetik daripada novel *Songket Berbenang Emas*
karya Khairuddin Ayip,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Nyatakan sebab-sebab Dahlia tidak hadir ke sekolah pada hari Selasa dan Rabu.

[4 markah]

(ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut :*

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Nor
- (c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (f) Tirani karya Beb Sabariah
- (g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (h) Silir Daksina karya Nizar Parman

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan **dua** peristiwa yang menggambarkan cabaran yang dialami oleh watak dalam karya tersebut.

[6 markah]

[Lihat halaman sebelah

BAHAGIAN C: RUMUSAN

[30 markah]

9. Baca dan teliti **setiap bahan** yang diberikan, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Bahan 1

Rakyat Malaysia mempunyai nilai kesedaran sukarela yang tinggi berdasarkan sumbangan kewangan dan tenaga apabila berlakunya sesuatu bencana alam. Secara realitinya, aktiviti kesukarelawanan bukan sahaja melepasi sempadan budaya, agama dan masyarakat, malahan dapat dijadikan sebagai ibadah dalam kehidupan seseorang.

Sebagai sebuah negara yang bergerak ke arah sebuah negara maju, Malaysia amat menitikberatkan aktiviti kesukarelawanan dalam kalangan masyarakat terutamanya dalam kalangan belia. Bagi golongan belia, aktiviti kesukarelawanan dapat membantu mengembangkan potensi yang ada dalam diri mereka. Mereka juga dapat mengakses jaringan peluang pekerjaan yang wujud di Malaysia. Bukan itu sahaja, aktiviti kesukarelawanan juga mampu meningkatkan kemahiran insaniah dalam diri mereka, terutamanya ketika mereka berinteraksi dan berkomunikasi dengan orang lain. Bahkan mereka juga boleh menimba ilmu dan kemahiran bekerja dalam sesebuah organisasi. Hal ini dikatakan demikian kerana belia dapat mengenali keadaan kerja yang berbeza-beza melalui aktiviti kesukarelawanan.

Dalam hal ini, pihak kerajaan memainkan peranan yang sangat penting dalam menanam semangat kesukarelawanan dalam kalangan belia bermula akar umbi. Antara usaha yang perlu diketengahkan ialah Kementerian Pendidikan Malaysia memasukkan sukatan pelajaran tentang kesukarelawanan dalam kurikulum pelajaran. Melalui pembelajaran dari peringkat awal, semangat kesukarelawanan akan tertanam dalam jiwa anak bangsa dan akan berpanjangan sehingga dewasa. Hal ini secara tidak langsung dapat mendidik golongan belia menjadi warganegara yang prihatin terhadap keperluan masyarakat. Penubuhan Yayasan Sukarelawan Siswa dalam usaha memupuk dan mempergiat aktiviti kesukarelawanan dalam kalangan belia Malaysia merupakan satu usaha yang dipuji. Konklusinya, aktiviti kesukarelawanan di negara ini mesti disemarakkan oleh pelbagai pihak kerana berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Suburkan Semangat Kesukarelawanan dalam Kalangan Belia'
oleh Amirah Syazwani Baderol Sham,
Dewan Siswa, Bil.5/2019.

[Lihat halaman sebelah

Bahan 2

SUBURKAN SEMANGAT KESUKARELAWANAN



- mengadakan sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa peringkat kebangsaan.
- Syarikat swasta mengadakan aktiviti sukarela melalui Tanggungjawab Sosial Korperat.
- Media massa mempromosikan aktiviti sukarela.

Bahan 3

SEIKHLAS HATI

Semangat sukarela kita terapkan
Tanpa mengharap sebarang balasan.

Hulurkan tangan ringankan beban
Tanda prihatin sesama insan.

Rasa syukur kita rafakkan
Atas segala anugerah Tuhan.

INSYIRAH.H
Pasir Mas

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

[Lihat halaman sebelah